

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia

Tarikh : 16/12/2018

Edisi / Muka Surat : Nasional / 70

Tajuk : Aplikasi Callme bantu promosi perkhidmatan teksi

Aplikasi Callme bantu promosi perkhidmatan teksi

SEPANG 15 Dis. - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) bersama Pertubuhan Pemandu, Pengusaha Teksi/Limosin dan Kereta Sewa Malaysia (Petekma) hari ini melancarkan aplikasi *e-hailing*, Callme yang berperanan mempromosi, mengiklan dan memperkenalkan perkhidmatan melibatkan pemandu teksi kepada masyarakat.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke berkata, Callme yang merupakan inisiatif bersama Koperasi Pemandu dan Pengusaha Teksi Limosin dan Kereta Sewa Selangor Berhad (Kopetekma) itu membantu pemandu teksi khususnya di kawasan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) bersaing dengan perkhidmatan *e-hailing* yang lain.

“Pendekatan lebih moden ini dilihat mampu menjamin kebajikan pemandu teksi dan merupakan satu hala tuju yang betul.

“Aplikasi ini juga berupaya mengharmonikan industri *e-hailing* dan meningkatkan daya saing dalam kalangan pemandu teksi seiring Revolusi Perindustrian Keempat yang bakal menjana pertumbuhan ekonomi ke arah pendigitalan yang holistik sekali gus meningkatkan produktiviti,” katanya.

Beliau berkata demikian



ANTHONY LOKE menampal pelekat pada cermin kereta pemandu limosin yang berdaftar melalui aplikasi Callme di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, semalam.

ketika berucap dalam majlis perasmian Projek Aplikasi *E-Hailing* Callme anjuran Angkasa dan Petekma di KLIA, dekat sini hari ini. Hadir sama, Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah dan Pengerusi Koperasi Petekma, Mohd. Syahir Abd. Aziz.

Mengulas lanjut Loke berkata, aplikasi *e-hailing* Callme di-

jangka memberi impak positif kepada koperasi yang berterasaskan fungsi pengangkutan selain meningkatkan perkhidmatan industri teksi dan kereta sewa koperasi sedia ada.

Sementara itu, Mohd. Syahir berkata, setakat ini, seramai 1,600 pemandu teksi di KLIA telah berdaftar menggunakan Callme.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA